

18/09/2003

BusinessWeek mohon maaf kepada Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: BusinessWeek International memohon maaf kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menulis sepucuk surat yang `biadab dan mengancam' kepada Perdana Menteri.

Permohonan maaf itu terkandung dalam sepucuk surat bertarikh 12 September daripada Pengarah Urusannya, Robert Dowling kepada Dr Mahathir.

Salinan surat Dowling itu diberikan kepada Bernama oleh Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Zakaria Abdul Wahab, semalam.

"Saya menulis surat ini bagi memohon maaf berhubung surat yang dihantar kepada tuan oleh wartawan kami minggu lalu," kata Dowling yang berpejabat di New York.

Dowling berkata, surat bertarikh 8 September dihantar oleh wartawan majalah itu yang bertugas di Hong Kong, adalah usaha terakhir bagi memberikan masa kepada Perdana Menteri untuk mengulas mengenai satu berita yang hendak ditulis majalah itu mengenai jasa Dr Mahathir dan peralihan kuasa kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Laporan sebelum ini menyebut, wartawan berkenaan, Michael Shari, berpangkalan di Singapura.

Dalam suratnya itu, wartawan berkenaan mahu mendapatkan reaksi segera Perdana Menteri berhubung dakwaan wujudnya kronisme dan rasuah di Malaysia.

Berikutan itu, Dr Mahathir membidas majalah berkenaan kerana mengancam untuk menulis mengenai perkara buruk mengenai Malaysia dan kepemimpinannya.

BusinessWeek diterbitkan di New York oleh McGraw Hill Group of Companies. Edisi Asia BusinessWeek dilaporkan dijual 60,000 naskhah setiap minggu.